


Headline	Terokai aset terbaik Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	819 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,187
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,561



# Terokai aset terbaik Selangor

**N**EGERI Selangor merupakan salah satu daripada 13 negeri yang terdapat di Malaysia. Ibu negerinya adalah Shah Alam dan merupakan bandar raya pertama di negara ini. Bukan itu sahaja, negeri ini turut mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan sejak turun-temurun dan kini ia diperintah oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Sultan Selangor ke-11.

Dari sudut geografi, negeri ini terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia iaitu di pantai barat dan mengelilingi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya.

Selain itu, negeri ini juga bersempadan dengan negeri Perak di sebelah utara, Pahang di timur, Negeri Sembilan di selatan serta menghadap laluan air tersibuk di dunia iaitu Selat Melaka.


Perkembangan pesat di Lembah Klang telah mendorong negeri ini mempunyai bandar paling banyak di Malaysia selain mendapat pengiktirafan status negeri maju pada tahun 2005.

Memasuki tahun ke-15 bergelar negeri maju, Selangor telah melancarkan Tahun Melawat Selangor 2015 dengan slogannya Terokai Selangor. Sebagai sebuah negeri

yang mendapat jolokan sebagai 'Pintu Masuk Malaysia', Selangor menawarkan pengunjung satu pengalaman lengkap, bermula

pengembaraan lasak mendaki gunung, berakit, air terjun sehinggalah keseronokan taman tema dan keriangian membeli-belah tanpa henti.

Minggu ini, kongsikan tempat-tempat menarik dan wajib dilawati yang jarang diketahui umum terutama kepada pembaca-pembaca yang berada di luar Selangor apabila berkunjung ke sini.

- **DHIYA'ZULHILMI DAUD / TOURISM SELANGOR** 

Headline	Terokai aset terbaik Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	819 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,187
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,561

## Eko-pelancongan

### Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun:

PUSAT Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun ini siap sepenuhnya pada April 2000 dengan kos pembinaan sebanyak RM36 juta. Tujuan asal pembinaan adalah untuk projek konservasi Badak Sumatera yang merupakan antara spesies haiwan yang diancam kepupusan di negara ini.

Pada 2004, pusat konservasi ini tidak lagi menjalankan pemuliharaan Badak Sumatera, sebaliknya tumpuan kini dijalankan terhadap projek konservasi Tapir atau Badak Cipan, selain Kongkang.



### Taman Semula Jadi Kuala Selangor:



SETIAP September hingga Mac, pengunjung boleh menyaksikan migrasi spesies burung dari Siberia yang singgah di taman ini. Ia adalah tempat yang ideal untuk pengunjung melakukan aktiviti pemerhatian dan fotografi burung.

### Klang Gates Quartz Ridge (Bukit Tabur):

KLANG Gates Quartz Ridge juga dikenali sebagai Bukit Tabur. Ciri-ciri geologi yang jarang berlaku dikatakan terdapat di sini iaitu memiliki kuarza tulen yang terbesar di dunia. Berbentuk seperti tulang belakang, khazanah alam semula jadi ini mempunyai ukuran panjang kira-kira 14 kilometer, selain telah mencecah usia lebih 100 juta tahun.



### Air Terjun Sungai Chiling:



MEMILIKI air tawar yang jernih selain kesejukan air terjun, ia adalah tempat terbaik untuk pengunjung beriadah bersama keluarga dan teman-teman untuk aktiviti mandi-manda. Bagaimanapun, anda perlu meredah laluan trek hutan selama 45 minit sebelum tiba ke lokasi tersebut.

### Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

LOKASI ini bukan sahaja memainkan peranan sebagai sebuah agensi kerajaan yang berperanan dalam industri perhutanan dan pemuliharaan hutan di negara ini, malah ia turut popular sebagai lokasi aktiviti fotografi, berkhemah, memerhati burung dan acara mencari harta karun (treasure hunt) secara berkumpulan.

### Taman Botani Negara:



Di sini, pengunjung boleh mengalami pengalaman cuaca empat musim negara di Hemisfera Utara apabila memasuki 'Rumah Empat Musim'.

### Kelip-kelip Kampung Kuantan:



PENGUNJUNG boleh menaiki bot untuk melihat kelip-kelip yang berkerlipan serentak pada pohon berembang yang tumbuh di sepanjang sungai. Pemandangan indah mempesonakan ini juga bagaikan lampu hiasan bagi mereka yang kali pertama melihatnya.

### Gunung Nuang:

GUNUNG NUANG adalah gunung tertinggi di Selangor dengan ketinggian 1,493 sentimeter. Pengunjung yang mendaki gunung tersebut boleh melakukannya dari Hutan Lipur Gunung Nuang, selain melalui jalan denai menembusi perkampungan Janda Baik di negeri Pahang.



## Aktiviti lasak

### Paragliding Kuala Kubu Bharu:

OLEH kerana kawasan geografinya yang berbukit, paragliding merupakan sukan yang sangat popular di Kuala Kubu Bharu. Latihan dan bimbingan turut diberikan kepada peserta yang pertama kali membuat aktiviti ini.



### Jet Ski Tasik Kundang:



TASIK yang pada mulanya merupakan sebuah kawasan bekas lombong ini sangat popular dalam kalangan penduduk tempatan terutamanya hujung minggu. Kini, mereka bukan sahaja boleh beriadah, malah boleh melakukan aktiviti air seperti jet ski.

### Ulu Tamu 4x4 Batang Kali:



DIURUSKAN oleh agensi swasta, peminat aktiviti permotoran boleh mencabar diri mereka untuk melakukan aktiviti lasak pacuan empat roda dengan meredah trek hutan dan ladang di Ulu Tamu.

## Bersejarah

### Bukit Melawati:

PEMBINAAN Kota Melawati bertujuan sebagai lokasi strategik untuk memantau laluan kapal, selain pertahanan negeri oleh Raja Lumu iaitu Sultan Selangor yang pertama. Kini terdapat Rumah Api yang masih aktif digunakan.



### Mah Meri (Pulau Carey):

BERIBU-RIBU pelancong direkodkan setiap tahun melawat ke Perkampungan Mah Meri di Sungai Bumbun, Pulau Carey. Suku ini masih mengamalkan cara hidup mereka yang masih asli.



### Skytrax:

SKYTRAX adalah kemudahan pertama seumpamanya di Malaysia. Peminat sukan lasak boleh merasai pengalaman seperti terbang, melayang dan meluncur di antara satu pokok ke pokok lain di sebalik hutan hujan tropika Malaysia yang subur.

